

Malaysia-Lebanon jalin hubungan niaga

UM 18 OCT 2003

PUTRAJAYA 17 Okt. — Malaysia dan Lebanon hari ini melancarkan Majlis Perniagaan Malaysia-Lebanon bagi meningkatkan perdagangan di antara kedua-dua negara.

Sempena pelancaran majlis perniagaan tersebut, satu perjanjian penubuhan forum berkenaan ditan-datangani oleh Presiden Forum Perniagaan Malaysia, Datuk Ismail Shahudin dan Presiden Forum Ekonomi Lebanon, Salim Diab di Pusat Konvensyen Putrajaya, di sini.

Majlis menandatangani perjanjian tersebut disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Lebanon, Rafiq Hariri.

Dalam ucapannya, Ismail berkata, penubuhan majlis perniagaan ini adalah lanjutan daripada lawatan Dr. Mahathir ke Beirut awal tahun ini.

“Majlis perniagaan ini akan memberi peluang kepada Malaysia untuk mencari peluang perniagaan bukan sahaja di Lebanon tetapi juga di negara-negara Asia Barat,” tambah beliau.

Kata Ismail, Malaysia ingin merebut peluang untuk turut serta di dalam penstrukturan Lebanon selain mengenal pasti pelabuhan-pelabuhan di Asia Barat bagi membawa masuk barangan Malaysia.

Salim Diab dalam satu kenyataan yang dikeluarkan sempena pelancaran majlis perniagaan itu berkata, hubungan perniagaan di antara kedua-dua negara akan memberi manfaat kepada sektor swasta dan meningkatkan persefahaman di antara umat Islam terlibat.

Beliau menambah, Lebanon

mampu menawarkan peluang pelaburan kepada perniagaan Malaysia dalam bidang pembinaan dan keju-

ruteraan, pelancongan, pertanian dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).